

## **Analisis Tinjauan Literatur Sistemik (SLR) Berkaitan Penterjemahan Elemen *Iltifāt***

### **[A Systematic Literature Review (SLR) Analysis on the Translation of *Iltifāt* Elements]**

**Muhammad Hakim Kamal<sup>1</sup>, Mohamad Hussin<sup>2\*</sup>**

<sup>1</sup> Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia, [kimkml1994@gmail.com](mailto:kimkml1994@gmail.com).

<sup>2</sup> Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia, [mohamadhussin@um.edu.my](mailto:mohamadhussin@um.edu.my).

\* Penulis penghubung: Mohamad bin Hussin. Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia. [mohamadhussin@um.edu.my](mailto:mohamadhussin@um.edu.my), Tel: (+60) 19-8081897.

---

#### **Keywords:**

*Literature, Translation, Iltifāt, Translation Strategy, Equivalence*

---

#### **ABSTRACT**

*Translation studies have increasingly become popular among researchers. However, the strategies of translating iltifāt elements which are known to affect the understanding of a given text have not received much attention. This is due to the perceived complexity and difficulty of translating iltifāt by many scholars. However, its translation strategies do require improvement so as to avoid confusion among target text readers. This study presents a systematic literature analysis on the translation of iltifāt elements with the aims of integrating previous findings and identifying new research areas. This qualitative study applies a document analysis approach and a systematic literature review (SLR). This analysis focuses on the reviewed studies' backgrounds, issues, methods and findings. The results show that previous studies in general tend to focus on the corpus of the sacral text which is the Quran, particularly on iltifāt ḍamīr (reference switching) and its English translation strategies. The findings also show that the problems arising from previous studies can be resolved by applying efficient translation strategies. Therefore, future research in Arabic-Malay translation that aims to produce equivalent translation strategies in regards to iltifāt ḍamir elements should be emphasized.*

---

#### **Kata Kunci:**

Literatur; Penterjemahan; *Iltifāt*; Strategi Penterjemahan; Padanan Makna.

---

#### **ABSTRAK**

Kajian mengenai penterjemahan semakin berkembang dan mendapat tumpuan dalam kalangan para pengkaji. Namun begitu, strategi penterjemahan elemen *iltifāt* yang memberi kesan kepada makna sesuatu teks kurang diberi perhatian. Hal ini kerana kebanyakan sarjana berpendapat bahawa elemen *iltifāt* adalah rumit dan sukar untuk diterjemahkan. Walau bagaimanapun, strategi penterjemahannya perlu dimantapkan agar makna elemen *iltifāt* tidak menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pembaca teks sasaran. Kajian ini memfokuskan kepada literatur berkaitan penterjemahan elemen *iltifāt* dalam kajian terdahulu dan

mengintegrasikan penemuan kajian lepas bagi meneroka cadangan isu baharu untuk dikaji. Kajian kualitatif ini menerapkan reka bentuk analisis dokumen dan berpandukan tinjauan literatur sistematik (*systematic literature review*, SLR) sebagai landasan. Analisis ini memfokuskan kepada latar belakang kajian, permasalahan, metode dan dapatan kajian terdahulu. Hasil kajian menunjukkan bahawa kajian-kajian lepas lebih menumpukan korpus teks kudus iaitu al-Quran yang berkisar tentang elemen *iltifāt ḍamīr* dan strategi penterjemahannya ke dalam bahasa Inggeris. Dapatan juga menunjukkan bahawa permasalahan yang timbul daripada kajian-kajian lepas dapat diatasi dengan menerapkan strategi penterjemahan tertentu. Oleh yang demikian, kajian penterjemahan Arab-Melayu yang memfokuskan kepada usaha menghasilkan strategi penterjemahan yang sepadan dalam menterjemah elemen *iltifāt ḍamīr* wajar diketengahkan.

Received: April 5, 2020

Accepted: May 12, 2020

Online Published: June 01, 2020

## 1. Pengenalan

Pelbagai kajian penterjemahan telah dilakukan oleh sarjana, seperti Nida (1964), Catford (1965), Newmark (1988), Venuti (2000), dan Bell (2012). Bell (2012) mengatakan bahawa definisi terjemahan terbahagi kepada tiga. Pertama, terjemahan ialah proses atau perlakuan menterjemah, aktiviti yang bukan dalam bentuk fizikal. Kedua, terjemahan ialah suatu karya, produk daripada proses penterjemahan. Ketiga, terjemahan datang dengan maksud konsep menterjemah dan produk yang terhasil daripada proses penterjemahan. Namun begitu, hakikatnya semua definisi terjemahan mempunyai ciri yang sama iaitu proses perluasan maklumat yang melangkaui sempadan bahasa, budaya, geografi serta perkaitannya dengan masa (Abu Bakar, 2012). Menurut Wuryantoro (2018) penterjemah mestilah menguasai bahasa sumber dan bahasa sasaran, bidang ilmu dalam teks sumber dan strategi penterjemahan kerana penterjemahan merupakan proses pengalihan makna dari bahasa sumber ke bahasa sasaran.

Dalam bahasa Arab, gaya bahasa yang paling kerap digunakan khususnya dalam al-Quran ialah elemen *iltifāt* (Asnawi, 2017; al-Dalimiyy & Nūrī, 2009; Zaenuddin, 2018). *Iltifāt* secara amnya melibatkan pertukaran elemen bahasa dalam sesuatu ayat dan fungsi umumnya adalah untuk menjadikan ujaran lebih memberi kesan dan tidak membosankan pendengar (Amirudin, 2013). Dapatan kajian Tabl (1998) menunjukkan bahawa elemen *iltifāt* digunakan lebih daripada 800 kali dalam al-Quran. Maka, tidak hairanlah didapati *iltifāt* merupakan gaya bahasa yang paling banyak digunakan dalam surah *al-Kahfī* iaitu sebanyak 53 kali pengulangan penggunaannya (Lakhḍar, 2016). Begitu juga dalam surah *al-Nisā'* iaitu dengan 32 kali kekerapan penggunaannya (Harti, 2018).

Dari sudut kajian penterjemahan, Ibraheem & al-Bagoa' (2010), al-Badani, et. al. (2014) dan Amirdabbaghian (2017) menegaskan bahawa elemen *iltifāt* kurang diberi perhatian oleh para pengkaji dan penterjemah. Sedangkan penerapan elemen *iltifāt* dalam sesuatu teks mewujudkan kohesi dan memberikan kesan kepada kefahaman tentang teks terjemahan (Būsyāqūr, 2007; Mahinnaz, et. al., 2012). Pengabaian elemen *iltifāt* dalam penterjemahan menyebabkan berlaku penyelewengan makna sebenar yang terkandung dalam teks sumber (Ibraheem & al-Bagoa', 2010).

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tema kajian lepas berkaitan penterjemahan *iltifāt*, menilai secara kritis fokus kajian lepas dan mengintegrasikan penemuan kajian lepas sebagai cadangan isu baru untuk dikaji.

## 2. Permasalahan Kajian

Penterjemahan merupakan tugas yang sukar terutamanya jika melibatkan elemen bahasa yang dianggap janggal atau tiada persamaan dengannya dalam bahasa sasaran. Contohnya elemen *iltifāt* yang terdapat dalam bahasa Arab tetapi tiada dalam sistem bahasa lain. Meskipun gaya bahasa *iltifāt* wujud dan sehati dalam kalangan orang Arab, namun elemen ini dianggap asing dan ganjil dalam kalangan orang Barat (Abdul Raof, 2005; Omer, 2017; Robinson, 1996). Noldeke dalam Akbari (2018) mengatakan bahawa *iltifāt* yang terkandung dalam al-Quran

kelihatan janggal dan tidak indah. Malahan menurut Burton (1988), Rafiqul-Haqq & Newton (1996) serta Robinson (1996), elemen *iltifāt* adalah kesalahan tatabahasa Arab yang terdapat dalam al-Quran al-Karim.

Ali (2015) pula menegaskan bahawa kajian yang berkaitan dengan penterjemahan elemen *iltifāt* didapati kurang terperinci dan komprehensif. Hakikatnya, elemen *iltifāt* mewujudkan kohesi dan memberikan kesan kepada kefahaman tentang sesuatu teks sasaran (Büsyāqūr, 2007; Mahinnaz, et. al., 2012). Namun begitu, al-Quran & al-Azzam (2009), Ibraheem & Al-Bagoa' (2010), Hassan (2011), al-Farisi (2015), al-Badani, et. al. (2016), Amirdabbaghian (2017) serta Horri (2019) menegaskan bahawa penterjemahan elemen *iltifāt* ke bahasa sasaran adalah sukar. Hal ini demikian kerana perbezaan antara tatabahasa Arab dengan tatabahasa bahasa sasaran (al-Thawābiyyat, 2019). Maka, tiada hairanlah apabila Hatim & Mason (1997) berpendapat bahawa tiada gaya bahasa yang menyerupai elemen *iltifāt* dalam bahasa Inggeris. Begitu juga Büsyāqūr (2007) yang mengatakan bahawa tiada persamaan antara elemen *iltifāt* dengan mana-mana gaya bahasa yang terdapat dalam bahasa Perancis.

Selain itu, Zaenuddin (2018), al-Farisi (2015) dan al-Farisi (2017) menegaskan bahawa berkemungkinan besar terdapat kesilapan dalam teks terjemahan elemen *iltifāt*. Contohnya, penterjemahan *iltifāt damīr [pertukaran kata ganti nama]* yang mana kewujudan dua kata ganti nama yang berbeza namun kedua-duanya merujuk kepada entiti yang sama (al-Farisi, 2017). Menurut Abdullah (2017) situasi ini menyumbang kepada kejanggalan ayat terjemahan seterusnya, menjadi punca ketidakbolehbacaan teks terjemahan al-Quran. Antaranya, firman Allah SWT dalam surah 'Abasa [80] ayat 1-3:

﴿عَبَسَ وَتَوَلَّىٰ (۱) أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَىٰ (۲) وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ يَزْكَىٰ (۳)﴾

Terjemahan:

“***ia*** memasak muka dan berpaling (1) Kerana ***ia*** didatangi orang buta (2) dan apa jalannya ***engkau*** dapat mengetahui (wahai Muhammad akan tujuannya) barangkali ia mahu membersihkan hatinya (dengan pelajaran agama yang didapatinya daripadamu (3)).”

Ayat ini diturunkan sebagai teguran kepada nabi Muhammad SAW supaya memberi layanan yang selayaknya kepada orang yang ingin memeluk Islam meskipun seseorang itu miskin dan tidak berpengaruh (Basmeih, 1983: 1352). Ayat berkenaan mengandungi elemen *iltifāt* iaitu kata ganti nama *هُوَ [ia]* dalam kata kerja *عَبَسَ [ia memasak muka]* ditukar kepada kata ganti nama *أَنْتَ [engkau]* yang ditambah dengan kata kerja *يُذْرِي [engkau dapat mengetahui]* dan kedua-dua kata ganti nama ini merujuk kepada Rasulullah SAW (al-Farisi, 2015). Walau bagaimanapun, terjemahan ayat *iltifāt* berkenaan ke teks sasaran adalah kabur. Hal ini demikian kerana kata ganti nama *هُوَ* dalam kata kerja *عَبَسَ* hanya diterjemahkan dengan ‘ia’ yang bersifat umum walhal individu berkenaan secara khususnya merujuk kepada nabi Muhammad SAW (al-Farisi, 2015). Keadaan ini menyebabkan kekeliruan dalam memahami makna sebenar ayat. Ini kerana makna yang terkandung dalam teks sasaran berkemungkinan berbeza dengan makna sebenar dalam teks sumber kesan dari penggunaan elemen *iltifāt* (Amirdabbaghian, 2017). Banyak contoh lain yang ditemui dalam terjemahan al-Quran. Antaranya firman Allah SWT dalam surah *Yūnus* [10] ayat 22:

﴿هُوَ الَّذِي يُسَيِّرُكُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ ۗ حَتَّىٰ إِذَا كُنْتُمْ فِي الْفُلِكِ وَحَرَيْنَ بِهِمْ بِرِيحٍ طَبِيَّةٍ ...﴾

Terjemahan:

“Dialah yang menjalankan ***kamu*** di darat dan di laut (dengan diberi kemudahan menggunakan berbagai jenis kenderaan); sehingga apabila ***kamu*** berada di dalam bahtera dan bahtera itu pula bergerak laju membawa ***penumpang-penumpang***nya dengan tiupan angin yang baik...”

Dalam ayat ini, terdapat elemen *iltifāt* iaitu kata ganti nama *أَنْتُمْ [kamu]* ditukar kepada kata ganti nama *هُمْ [penumpang-penumpang]* dan kedua-dua kata ganti nama ini merujuk kepada golongan yang sama iaitu orang kafir (Basmeih, 1983). Didapati bahawa terjemahan bagi kata ganti nama *هُمْ* yang ditambah dengan

partikel *jarr* ب diubah daripada ‘mereka’ kepada ‘penumpang-penumpang’. Hal ini kerana sekiranya terjemahan dikekalkan dengan ‘mereka’ iaitu dengan andaian “*sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera dan bahtera itu pula bergerak laju membawa mereka...*”, maka terjemahan ini seakan-akan mengisyaratkan bahawa bahtera hanya membawa ‘mereka’ dan tidak membawa ‘kamu’.

Seterusnya, dapatan al-Banāniy (1993), Qaḥṭān (2005), Būsyāqūr (2007) dan al-Dīn (2018) masing-masing menunjukkan bahawa elemen *iltifāt* mempunyai pelbagai fungsi balaghah. *Iltifāt* dari jenis yang sama pula berkemungkinan mengandungi lebih daripada satu fungsi. Contohnya, firman Allah SWT dalam surah *al-Insān* [76] ayat 21-22:

﴿...وَحُلُّوا أَسَاوِرَ مِنْ فِضَّةٍ وَسَقَاهُمْ رَبُّهُمْ شَرَابًا طَهُورًا (٢١) إِنَّ هَذَا كَانَ لَكُمْ جَزَاءً وَكَانَ سَعْيِكُمْ مَشْكُورًا (٢٢)﴾

Terjemahan:

“...Dan *mereka* dihiasi dengan gelang-gelang tangan dari perak; dan *mereka* diberi minum oleh Tuhan *mereka* dengan jenis minuman (yang lain) – yang bersih suci (21) (serta dikatakan kepada mereka): “*sesungguhnya (segala pemberian) ini adalah untuk kamu sebagai balasan, dan adalah usaha amal kamu (di dunia dahulu) diterima dan dihargai (oleh Allah).*”

Dalam ayat ini, terdapat elemen *iltifāt* iaitu kata ganti nama *هُم* [*mereka*] ditukar kepada kata ganti nama *أَنْتُمْ* [*kamu semua*] dan kedua-dua kata ganti nama ini merujuk kepada orang beriman (al-Jarmān, 2016). Ibn ‘Āsyūr (1984) mengatakan bahawa *iltifāt* berkenaan mengisyaratkan kepada pujian terhadap lawan tutur iaitu orang beriman. Namun begitu, Abū al-Su‘ūd (t.th.) menegaskan bahawa *iltifāt* dari kata ganti nama ketiga kepada kata ganti nama kedua dalam sesuatu ayat juga bertujuan mencela lawan tutur. Misalnya, Allah SWT berfirman dalam surah *al-An‘ām* [6] ayat 1-2:

﴿...ثُمَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ (١) هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ طِينٍ ثُمَّ قَضَىٰ أَجَلًا ۗ وَأَجَلٌ مُّسَمًّىٰ عِنْدَهُ ۗ ثُمَّ أَنْتُمْ تَمْتَرُونَ (٢)﴾

Terjemahan:

“...dalam pada itu, *orang-orang kafir* menyamakan (sesuatu yang lain) dengan Tuhan *mereka* (1) Dialah yang menjadikan *kamu* dari tanah, kemudian ia tentukan ajal (kematian kamu) dan satu ajal lagi yang tertentu di sisiNya (iaitu masa yang telah ditetapkan untuk dibangkitkan kamu semula pada hari kiamat); dalam pada itu, *kamu* masih ragu-ragu (tentang hari pembalasan).”

Dalam ayat ini, terdapat *iltifāt* iaitu kata ganti nama *هُم* [*mereka*] ditukar kepada kata ganti nama *أَنْتُمْ* [*kamu*] dan kedua-dua ganti nama ini merujuk kepada orang kafir (al-Banāniy, 1993). Menurut Abū al-Su‘ūd (t.th.) elemen *iltifāt* dalam ayat berkenaan bertujuan mencela lawan tutur iaitu orang kafir. Namun, suatu yang jelas ialah balaghah *iltifāt* ini tidak menyerlah dalam teks terjemahan Arab-Melayu di atas. Kesannya, makna sebenar ayat *iltifāt* tidak dikesan sekaligus maknanya akan berbeza dengan makna yang ditonjolkan dalam teks terjemahan.

Oleh yang demikian, melihat kepada realiti ini, kajian yang memfokuskan kepada tinjauan literatur berkaitan dengan penterjemahan elemen *iltifāt* dilakukan dan permasalahan yang boleh diketengahkan sebagai kajian baharu pada masa kini diteliti.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik [*systematic literature review (SLR)*] bertujuan untuk mengenal pasti, menilai secara kritis dan mengintegrasikan penemuan semula kajian (Bem, 1995; Baumeister & Leary, 1997). Justifikasi metode ini digunakan adalah kerana kesesuaian dan kerelevanannya dalam menilai secara sistematik keseluruhan kajian yang berkaitan dengan

penterjemahan elemen *iltifāt* dari tahun ke tahun sekali gus menjelaskan isu baharu dari satu sudut. Kaedah ini menerapkan carian sistematik untuk mengenal pasti penterjemahan elemen *iltifāt*. Metode kajian yang digunakan ialah analisis dokumen terhadap artikel, jurnal, tesis dan buku yang ditulis oleh para sarjana. Kadar rujukan adalah bermula dari tahun 2007 hingga tahun 2019. Kajian lepas diambil bermula dari tahun 2007 kerana merujuk kepada dapatan dalam jadual 1 dan jadual 2, perbincangan berkaitan dengan penterjemahan elemen *iltifāt* mula dibahas dan dikaji pada tahun tersebut.

Kajian ini menerapkan kaedah tinjauan literatur sistematik (SLR) yang merangkumi tahun kajian, latar belakang, permasalahan kajian, metode dan dapatan kajian. Kaedah ini mengaplikasikan carian yang sistematik untuk mengenal pasti keperluan strategi penterjemahan yang mampan dalam menghasilkan terjemahan elemen *iltifāt* yang sepadan. Hakikatnya, prinsip tinjauan literatur sistematik (SLR) diterapkan oleh ramai pengkaji mutakhir ini bagi menyorot sejauh mana fenomena yang berlaku di sekitar kata kunci kajian (Michie & Williams, 2003; Siddiqi, et. al., 2006). Dalam kajian ini, kata kunci 'penterjemahan *iltifāt*', 'the translation of reference switching' digunakan bagi mendapatkan data kajian. Kajian ini dibantu dengan akses pangkalan data *google*, *researchgate* dan *academia*. Hasil carian dokumen yang berkaitan dengan kajian, hanya 16 sahaja diterima untuk dianalisis dalam SLR dan skop carian bermula dari tahun 2007 hingga tahun 2019.

Dalam kajian balaghah Arab, *iltifāt* diletakkan sebagai salah satu perbincangan ilmu *badī'*. Secara teorinya perkataan *iltifāt* diambil daripada kata akar لَفَّتٌ - يَلْفِتُ - لَفَّتًا yang membawa maksud menoleh dan memalingkan sesuatu (al-Asfahāniy, 2009: 743; al-Fayrūzābādiy, 2005: 159; Ibn Manzūr, 1993/2: 84-85). Ibn Fāris (1979/5: 258) pula menegaskan bahawa *iltifāt* memberi makna sesuatu yang menyimpang dari laluan biasa. Menurut al-Zamakhsyariy (1998: 173), *iltifāt* bermaksud mengupas sesuatu seperti kulit kayu. Berdasarkan maklumat perkamusan ini, jelas menunjukkan bahawa makna *iltifāt* dari sudut bahasa membawa erti menoleh, memalingkan sesuatu, menyimpang dari laluan biasa atau mengupas sesuatu.

Manakala dari sudut istilah terdapat dua pendekatan para sarjana dalam membahaskan konsep *iltifāt*. Pertama, pendekatan kebanyakan sarjana seperti al-Aṣma'iy, Abū 'Ubaydaṭ, al-Mubarrad, Ibn al-Mu'tazz, al-'Askariy dan al-Maydāniy yang menegaskan bahawa *iltifāt* melibatkan pertukaran *ḍamīr [kata ganti nama]* iaitu *ḍamīr ghā'ib [kata ganti nama ketiga]*, *ḍamīr mukhāṭab [kata ganti nama kedua]* dan *ḍamīr mutakallim [kata ganti nama pertama]* iaitu pertukaran salah satu daripada kata ganti nama berkenaan kepada kata ganti nama yang lain (Fatimah, 2015; Ismā'īl, 2011; Mukhtar, 2018; Rābhiy, 2014). Kedua, pendekatan sebahagian sarjana iaitu al-Sakkākiy, Ibn al-Athīr dan al-'Alawiy yang meluaskan konsep *iltifāt*. Mereka berpandangan bahawa *iltifāt* adalah pertukaran elemen bahasa ke elemen bahasa yang lain seperti pertukaran *ḍamīr [pola kata ganti nama]*, *ṣiḡhat [pola perkataan]*, *'adad [pola bilangan]*, *adawāt [pola partikel]*, *binā' nahwiyy [pola ayat]* dan pertukaran *mu'jam [pola kosa kata]* (Khadījat, 2015). Kesimpulannya, *iltifāt* melibatkan pertukaran elemen bahasa dalam ayat dan fungsi umumnya adalah untuk menjadikan ujaran lebih memberi kesan dan menarik pendengar.

#### 4. Dapatan Dan Perbincangan

##### 4.1 Tema Kajian Lepas Berkaitan Penterjemahan *Iltifāt*

Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti tema kajian lepas berkaitan penterjemahan *iltifāt*. 16 tinjauan literatur telah dikenal pasti memfokuskan kepada penterjemahan elemen *iltifāt*. Jika diperhalusi, terdapat dua tema yang melatari kajian berkenaan. Pertama, kesan penggunaan elemen *iltifāt* terhadap teks sasaran. Kedua, strategi penterjemahan *iltifāt*. Kajian mengenai kesan penggunaan elemen *iltifāt* terhadap teks sasaran berjumlah 6 kajian iaitu:

Jadual 1. Kesan penggunaan elemen *iltifāt* terhadap teks sasaran

Bil	Kajian	Latar belakang	Permasalahan kajian	Metode	Dapatan
1.	Dawood (2008)	Fungsi balaghah <i>iltifāt fi'l [pertukaran kata kerja]</i> dalam terjemahan al-Quran versi bahasa Inggeris.	Meneliti kesan <i>iltifāt fi'l</i> dalam al-Quran terhadap teks bahasa Inggeris nukilan Ali.	Kualitatif, analisis deskriptif	Elemen <i>iltifāt fi'l</i> dalam al-Quran yang datang dengan fungsi balaghah tertentu diterjemahkan dengan strategi penterjemahan literal.



Bil	Kajian	Latar belakang	Permasalahan kajian	Metode	Dapatan
2.	al-Quran & al-Azzam (2009)	Kesukaran penterjemahan <i>iltifāt damīr</i> dalam al-Quran ke bahasa Inggeris.	Kajian ini dilaksanakan bagi membuktikan kehilangan <i>iltifāt damīr</i> dalam teks terjemahan al-Quran versi bahasa Inggeris nukilan Pickthall, Ali dan Arberry. Juga bertujuan membuktikan bahawa teks sasaran gagal memaparkan fungsi balaghah <i>iltifāt damīr</i> .	Kualitatif, analisis deskriptif	Elemen <i>iltifāt damīr</i> adalah gaya bahasa yang rumit dan penterjemahannya bertembung dengan kesan linguistik yang mana masalah ini boleh diatasi dengan menerapkan pelbagai usaha untuk menyerlahkan elemen <i>iltifāt damīr</i> dan fungsi balaghahnya dalam teks sasaran.
3.	Ibraheem & al-Bagoa' (2010)	Penterjemahan <i>iltifāt damīr</i> dalam al-Quran ke bahasa Inggeris.	Menganalisis terjemahan <i>iltifāt damīr</i> dalam al-Quran versi bahasa Inggeris nukilan Dawood, Hilāliy & Khān serta Arberry.	Kualitatif, analisis deskriptif	Elemen <i>iltifāt damīr</i> hilang sepenuhnya dalam teks sasaran. Selain itu, penentuan entiti yang dimaksudkan oleh <i>iltifāt damīr</i> juga adalah isu terutama elemen <i>iltifāt damīr</i> dalam ayat yang sama.
4.	Mahinna z et al. (2012)	Pengaruh elemen <i>iltifāt damīr</i> kepada kohesi teks terjemahan al-Quran versi bahasa Inggeris	Meneliti kesan penggunaan <i>iltifāt damīr</i> dalam al-Quran terhadap kohesi teks sasaran bahasa Inggeris	Kualitatif, analisis deskriptif	Terdapat kecacatan dari sudut kohesi teks terjemahan al-Quran versi bahasa Inggeris kesan daripada penterjemahan <i>iltifāt damīr</i> .
5.	al-Badani et al. (2015)	Penterjemahan <i>iltifāt damīr</i> dalam surah <i>al-Baqaraṭ</i> ke bahasa Inggeris.	Menganalisis strategi penterjemahan Ali terhadap elemen <i>iltifāt damīr</i> dalam surah <i>al-Baqaraṭ</i> ke bahasa Inggeris.	Kualitatif, analisis deskriptif	Ali tidak memberikan perhatian kepada penterjemahan <i>iltifāt damīr</i> . Hakikatnya, setiap <i>iltifāt damīr</i> datang dengan fungsi balaghah tertentu. Kekeliruan dalam memahami makna <i>iltifāt damīr</i> dalam teks terjemahan al-Quran menyebabkan pembaca menganggap al-Quran kurang kohesi dan gramatis.
6.	Amirdab baghian (2017)	Kesan penterjemahan <i>iltifāt damīr</i> terhadap elemen pelibat wacana [ <i>tenor of discourse</i> ] dalam teks terjemahan al-Quran versi bahasa Inggeris.	Kajian memfokuskan kepada penterjemahan Abdel Haleem terhadap <i>iltifāt damīr</i> dalam al-Quran dan kesannya terhadap pelibat wacana [ <i>tenor of discourse</i> ] dalam teks sasaran bahasa Inggeris.	Kualitatif, analisis deskriptif	Abdel Haleem gagal menterjemahkan makna sebenar <i>iltifāt damīr</i> ke bahasa Inggeris. Hal ini kerana elemen pelibat wacana dalam teks sasaran yang mengandungi <i>iltifāt damīr</i> berbeza dengan elemen pelibat wacana dalam teks sumber. Ini menyebabkan pembaca teks sasaran tidak memperoleh makna sebenar yang terkandung dalam elemen <i>iltifāt damīr</i> .

Manakala 11 literatur didapati berkisar tentang strategi penterjemahan *iltifāt*. Kajian-kajian berkenaan ialah:

Jadual 2. Strategi penterjemahan *iltifāt*

Bil	Kajian	Latar belakang	Permasalahan kajian	Metode	Dapatan
1.	Büsyāqūr (2007)	Elemen <i>iltifāt</i> dalam al-Quran dan penterjemahannya ke bahasa Perancis.	Mengenal pasti fungsi balaghah <i>iltifāt ṣīghat</i> [pertukaran pola perkataan], <i>iltifāt 'adad</i> [pertukaran pola bilangan], <i>iltifāt damīr</i> [pertukaran kata ganti nama], <i>iltifāt adawāt</i> [pertukaran pola partikel], <i>iltifāt binā' nahwiy</i> [pertukaran pola ayat] dan <i>iltifāt mu'jam</i> [pertukaran kosa kata] dalam al-Quran dan kesannya terhadap teks terjemahan. Di samping itu, kajian bertujuan mengenal pasti strategi penterjemahan Ḥamzaṭ, Ḥamīdullāh dan Mason terhadap elemen <i>iltifāt</i> dalam al-Quran ke bahasa Perancis.	Kualitatif, analisis deskriptif.	Fungsi balaghah <i>iltifāt</i> ditentukan oleh konteks yang melatari ayat. Selain itu, elemen <i>iltifāt</i> memberikan kesan kepada kefahaman tentang teks terjemahan dan strategi pentafsiran adalah strategi terbaik dalam menterjemahkan elemen <i>iltifāt</i> .

Bil	Kajian	Latar belakang	Permasalahan kajian	Metode	Dapatan
2.	Elgebaly (2012)	Keperluan penonton rancangan TV dalam teks sarikata yang mengandungi <i>iltifāt damīr</i> .	Memberi gambaran bagaimana penyari kata rancangan TV siaran <i>Iqraa satellite</i> melakukan modifikasi terhadap elemen <i>iltifāt damīr</i>	Kualitatif, analisis deskriptif	Penyari kata melakukan modifikasi terhadap elemen <i>iltifāt damīr</i> supaya mesej yang ingin disampaikan mudah difahami dan jelas kepada penonton yang tidak biasa dengan budaya Arab. Strategi penterjemahan yang diterapkan oleh penyari kata ialah penterjemahan parafrasa [ <i>paraphrase</i> ], ringkasan [ <i>condensation</i> ] dan pengembangan makna [ <i>expansion</i> ]
3.	al-Badani et al. (2014)	Analisis tekstual terhadap penterjemahan <i>iltifāt damīr</i> dalam surah <i>al-Baqarat</i> ke bahasa Inggeris.	Meninjau strategi penterjemahan Ali terhadap elemen <i>iltifāt damīr</i> dalam surah <i>al-Baqarat</i> ke bahasa Inggeris.	Kualitatif, analisis deskriptif	Tiada penampakan elemen <i>iltifāt damīr</i> dalam terjemahan Ali. Strategi penterjemahan literal didapati tidak sesuai digunakan dalam menterjemah <i>iltifāt damīr</i> yang datang dengan fungsi balaghah tertentu.
4.	al-Farisi (2015)	Masalah penterjemahan <i>iltifāt damīr</i> dalam al-Quran ke bahasa Indonesia.	Kajian ini dilaksanakan bagi meneliti strategi penterjemahan dan ideologi Kementerian Hal Ehwal Agama Indonesia (KHEAI) dalam menterjemahkan <i>iltifāt damīr</i> ke bahasa Indonesia.	Kualitatif, analisis deskriptif	KHEAI cenderung kepada strategi penterjemahan literal iaitu sebanyak 60.16% <i>iltifāt damīr</i> dalam al-Quran diterjemahkan dengan strategi berkenaan. Strategi penterjemahan literal ini menunjukkan kecenderungan KHEAI kepada ideologi keutamaan kepada konsep bahasa sumber dalam penterjemahan [ <i>foreignization</i> ].
5.	al-Badani et al. (2015)	Penterjemahan <i>iltifāt damīr</i> dalam surah <i>al-Baqarat</i> ke bahasa Inggeris.	Menganalisis strategi penterjemahan Ali terhadap elemen <i>iltifāt damīr</i> dalam surah <i>al-Baqarat</i> ke bahasa Inggeris.	Kualitatif, analisis deskriptif	Ali tidak memberikan perhatian kepada penterjemahan <i>iltifāt damīr</i> . Hakikatnya, setiap <i>iltifāt damīr</i> datang dengan fungsi balaghah tertentu. Kekeliruan dalam memahami makna <i>iltifāt damīr</i> dalam teks terjemahan al-Quran menyebabkan pembaca menganggap al-Quran kurang kohesi dan gramatis.
6.	Ali (2015)	Pendekatan penterjemahan <i>iltifāt šīghat</i> dalam al-Quran ke bahasa Inggeris.	Kajian memfokuskan kepada strategi penterjemahan Zidan & Zidan, Hilāliy & Khān, Ghāliy serta Abdel Haleem terhadap elemen <i>iltifāt šīghat</i> dalam al-Quran ke bahasa Inggeris.	Kualitatif, analisis deskriptif.	Teori <i>schema</i> sesuai diterapkan oleh penterjemah ketika dalam proses penterjemahan <i>iltifāt šīghat</i> . Strategi penterjemahan sangat digalakkan ketika menterjemah <i>iltifāt šīghat</i> .
7.	al-Badani et al. (2016)	Penerapan strategi pengembangan makna [ <i>expansion strategy</i> ] dalam penterjemahan <i>iltifāt damīr</i> dalam surah <i>al-Baqarat</i> ke bahasa Inggeris.	Kajian melihat sejauh mana keberkesanan strategi pengembangan makna yang diterapkan oleh Ali dalam menghasilkan terjemahan <i>iltifāt damīr</i> yang sepadan.	Kualitatif, analisis deskriptif	Strategi pengembangan makna dalam penterjemahan <i>iltifāt damīr</i> masih gagal menyerlahkan makna sebenar yang dikehendaki oleh elemen <i>iltifāt damīr</i> .
8.	al-Farisi (2017)	Ideologi dan strategi penterjemah dalam menterjemahkan <i>iltifāt damīr</i> dalam al-Quran ke bahasa Indonesia.	Meneliti ideologi dan strategi Thalib dalam menterjemahkan <i>iltifāt damīr</i> dalam al-Quran ke bahasa Indonesia.	Kualitatif, analisis kandungan	Thalib menerapkan strategi penterjemahan <i>transposition</i> [ <i>perubahan kategori tatabahasa</i> ], <i>amplification</i> [ <i>penambahan info implisit dalam teks sasaran</i> ] dan <i>reduction</i> [ <i>pemadatan bahasa sumber</i> ] yang mana menyebabkan pengalihan dari sudut fungsi dan sintaksis dalam teks terjemahan.
9.	Faysal & Muṣṭafā (2017)	Strategi penterjemahan <i>iltifāt šīghat</i> [ <i>pertukaran pola perkataan</i> ] dan <i>iltifāt</i>	Kajian bertujuan memberikan gambaran tentang strategi penterjemahan Hilāliy & Khān, Maulana, Pickthall, Rashad,	Kualitatif, analisis deskriptif	Strategi huraian [ <i>explication</i> ] adalah teknik yang kerap digunakan oleh penterjemah al-Quran bagi mengatasi isu halangan terjemahan [ <i>translation</i> ]

Bil	Kajian	Latar belakang	Permasalahan kajian	Metode	Dapatan
		<i>mu'jam</i> [pertukaran kosa kata] dalam al-Quran ke bahasa Inggeris.	Sarwar, Shakir, Sher Ali dan Ali terhadap elemen <i>iltifāt ṣīghat</i> dan <i>iltifāt mu'jam</i> dalam al-Quran ke bahasa Inggeris.		<i>barriers</i> ].
10.	al-Thawābiyy at (2019)	Masalah penterjemahan <i>iltifāt 'adad</i> [pertukaran pola bilangan] dalam al-Quran ke bahasa Inggeris.	Meneliti strategi penterjemahan Ali, Hilāliy & Khān, Rodwell dan Irving terhadap elemen <i>iltifāt 'adad</i> dalam al-Quran ke bahasa Inggeris dan kesannya terhadap padanan makna dalam teks sasaran.	Kualitatif, analisis deskriptif	Ali, Khan, Redwill dan Irfin tidak menerapkan strategi khusus dalam menterjemahkan <i>iltifāt 'adad</i> . Kesannya, terjemahan yang dihasilkan oleh mereka menyebabkan kekaburan dan kekeliruan makna dalam teks sasaran.
11.	Horri (2019)	Dominasi terjemahan semantik dalam penterjemahan <i>iltifāt ḍamīr</i> dalam al-Quran ke bahasa Inggeris.	Kajian bertujuan menganalisis strategi penterjemahan Ali, Pickthall dan Arberry terhadap elemen <i>iltifāt ḍamīr</i> dalam al-Quran ke bahasa Inggeris.	Kualitatif, analisis deskriptif	Terjemahan semantik adalah strategi penterjemahan yang paling kerap digunakan dalam menterjemah <i>iltifāt ḍamīr</i> . Ini juga menunjukkan bahawa ideologi Ali, Pickthall dan Arberry adalah keutamaan konsep bahasa sumber dalam penterjemahan [ <i>foreignization</i> ].

## 5.2 Fokus Kajian Lepas Berkaitan Penterjemahan *Iltifāt*

Objektif kedua kajian adalah untuk menilai secara kritis fokus kajian lepas berkaitan penterjemahan *iltifāt*. Berdasarkan jadual 1 dan jadual 2, dapat dibuat beberapa kesimpulan terhadap tinjauan literatur sistematik (SLR) dari sudut fokus kajian lepas berkaitan penterjemahan *iltifāt* seperti berikut:

### 5.2.1 Isu kajian

Merujuk kepada jadual 1 dan jadual 2, terdapat 16 kajian yang berkaitan dengan penterjemahan elemen *iltifāt*. Isu kajian yang dfokuskan oleh para pengkaji terdahulu lebih tertumpu kepada strategi penterjemah yang mana terdapat 11 kajian membincangkan strategi penterjemahan elemen *iltifāt* ke bahasa sasaran. Hanya 5 sahaja kajian yang menyentuh kesan penggunaan elemen *iltifāt* terhadap teks sasaran iaitu *Fungsi Balaghah Iltifāt Fi'l [Pertukaran Kata Kerja] dalam Terjemahan al-Quran versi Bahasa Inggeris, Kesukaran Penterjemahan Iltifāt Ḍamīr dalam al-Quran ke Bahasa Inggeris, Penterjemahan Iltifāt Ḍamīr dalam al-Quran ke Bahasa Inggeris, Pengaruh Elemen Iltifāt Ḍamīr kepada Kohesi Teks Terjemahan al-Quran versi Bahasa Inggeris, Kesan Penterjemahan Iltifāt Ḍamīr Terhadap Elemen Pelibat Wacana [Tenor of Discourse] dalam Teks Terjemahan al-Quran versi Bahasa Inggeris*. Berdasarkan penelitian terhadap tinjauan literatur sistematik (SLR), didapati masih lagi tiada penyelidikan khusus berkaitan dengan strategi penterjemahan elemen *iltifāt* ke bahasa Melayu di Malaysia. Hal ini demikian kerana kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada penterjemahan *iltifāt* dalam al-Quran ke bahasa Inggeris, bahasa Perancis dan bahasa Indonesia.

### 5.2.2 Rangsangan kajian penterjemahan elemen *iltifāt*

Analisis tinjauan literatur sistematik (SLR) sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 1 dan jadual 2 juga memberi maklumat untuk membincangkan dengan lebih terperinci tentang rangsangan atau latar belakang kajian penterjemahan elemen *iltifāt*. Rangsangan utama yang menjadi pemangkin kepada kajian penterjemahan elemen *iltifāt* adalah mengetengahkan strategi penterjemahan yang mampan dalam menghasilkan terjemahan *iltifāt* yang sepadan. Rangsangan ini bagi menjawab permasalahan yang diutarakan oleh Ahmed (2004), al-Farisi (2015), al-Farisi (2017), Amirdabbaghian (2017) serta al-Thawābiyyat (2019) bahawa makna teks terjemahan yang mengandungi elemen *iltifāt* adalah taksa sekaligus mengundang kekeliruan dalam memahami makna sebenar ayat. Rangsangan seterusnya yang menarik kajian berkaitan dengan penterjemahan elemen *iltifāt* adalah perbezaan antara tatabahasa Arab dengan tatabahasa selainnya. Mengambil contoh kajian Durakovic (2007) dan al-'Abūdiy (2016) yang menyimpulkan bahawa terdapat konsep gaya bahasa dalam bahasa Inggeris yang hampir sama dengan konsep elemen *iltifāt* seperti *rhetorical deixis*, *apostrophe* dan *phantasm* namun tidak sepenuhnya merangkumi konsep *iltifāt* dalam bahasa Arab. Maka, tidak hairanlah apabila Hatim & Mason (1997) menegaskan bahawa tiada gaya bahasa yang menyerupai elemen *iltifāt* dalam bahasa Inggeris. Maksudi (2018) pula mengatakan bahawa gaya bahasa yang hampir sama dengan elemen *iltifāt* berkemungkinan wujud



dalam bahasa lain namun, hanya bahasa Arab yang mengkategorikan elemen *iltifāt* sebagai satu gaya bahasa dan lengkap dengan konsep dan teori. Maka, rentetan dari faktor ini menyebabkan kajian dilakukan bagi melihat kesan penggunaan elemen *iltifāt* terhadap teks terjemahan (Amirdabbaghian, 2017; al-Ahmad, 2007; al-Badani, et. al., 2015; I'lāwiy & Dawood, 2008; Ibraheem & Al-Bagoa', 2010; Mahinnaz, et. al., 2012).

### 5.2.3 Metode kajian

Sekiranya diperhalusi, didapati kajian yang berkaitan dengan penterjemahan elemen *iltifāt* hanya dijalankan dalam kajian kualitatif. Ini kerana kebanyakan kajian yang dilakukan melibatkan analisis deskriptif sesebuah teks. Sekiranya dilihat dari sudut objektif kajian pula, kebanyakannya melibatkan kajian penerokaan, perbandingan antara karya terjemahan dan penelitian ke atas elemen *iltifāt* itu sendiri. Maka dengan sebab ini, metode kajian yang sesuai berdasarkan latar belakang dan objektif kajian sebegini adalah kajian kualitatif.

### 5.2.4 Kajian deskriptif dan penerokaan baharu

Kajian deskriptif menumpukan kepada huraian terhadap sesuatu fenomena atau isu (Creswell, 2012). Dalam kajian kualitatif, jelas daripada jadual 1 dan jadual 2 di atas bahawa kaedah analisis deskriptif dilihat lebih mendominasi kajian yang berkaitan dengan penterjemahan elemen *iltifāt*. Dengan menggunakan kaedah ini. Būsyāqūr (2007), al-Farisi (2015), al-Badani, et. al. (2015), Ali (2015), Faysal & Muṣṭafā (2017), al-Thawābiyyaṭ (2019) dan Horri (2019) memilih untuk menganalisis strategi penterjemah al-Quran dalam menterjemahkan elemen *iltifāt* ke bahasa sasaran. Selain itu, Dawood (2008), al-Quran & al-Azzam (2009), Ibraheem & al-Bagoa' (2010), Mahinnaz et al. (2012) dan Amirdabbaghian (2017) pula melakukan kajian yang berkaitan dengan kesan penggunaan elemen *iltifāt* terhadap teks terjemahan al-Quran. Di samping itu, terdapat juga kajian yang berkaitan dengan analisis strategi penterjemahan *iltifāt* dalam teks selain al-Quran yang melibatkan teks sari kata (Elgebaly, 2012). Kini, kajian yang berkaitan dengan penterjemahan elemen *iltifāt* mula dilakukan dengan lebih serius dan melibatkan penemuan baharu dalam bidang ini. Contohnya, kajian yang dilakukan oleh al-Thawābiyyaṭ (2019) mendapati bahawa kebanyakan penterjemah al-Quran seperti Khan, Redwill dan Irfin tidak menerapkan strategi penterjemahan tertentu dalam menterjemahkan *iltifāt* 'adad [pertukaran pola bilangan] ke bahasa Inggeris. Begitu juga Horri (2019) melalui penerokaannya telah merumuskan bahawa penterjemah al-Quran seperti Ali, Pickthall dan Arberry lebih cenderung kepada strategi terjemahan semantik dalam menterjemahkan *iltifāt damīr* ke bahasa Inggeris.

### 5.2.5 Logistik kajian penterjemahan *iltifāt*

Berdasarkan jadual 1 dan jadual 2 sebelum ini, jika kajian dilihat dari sudut logistik, kajian yang berkaitan dengan penterjemahan elemen *iltifāt* hanya melangkaui beberapa negara sahaja. Dapatan ini menyokong dapatan Ibraheem & al-Bagoa' (2010) yang menegaskan bahawa kajian yang berkaitan dengan penterjemahan elemen *iltifāt* kurang terperinci dan kurang diberi perhatian oleh para pengkaji. Namun begitu, didapati kajian berkenaan paling banyak dilakukan di negara Iraq. Kajian yang berkaitan dengan penterjemahan elemen *iltifāt* juga turut dilakukan di luar negara Iraq iaitu negara Jordan (al-Quran & al-Azzam, 2009; al-Thawābiyyaṭ, 2019), Yaman (al-Badani et al., 2016), Iran (Mahinnaz et al., 2012; Horri, 2019), Algeria (Būsyāqūr, 2007), Mesir (Elgebaly, 2012), Amerika Syarikat (Ali, 2015) termasuk juga negara Malaysia (Amirdabbaghian, 2017; al-Badani, et. al., 2014; al-Badani, et. al., 2015) dan negara Indonesia (al-Farisi, 2015; al-Farisi 2017).

## 5.3 Cadangan Isu Baharu Untuk Dikaji Dalam Penterjemahan *Iltifāt*

Analisis tinjauan literatur sistematik (SLR) sebagaimana dalam jadual 1 dan jadual 2 yang menjelaskan tentang kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan penterjemahan elemen *iltifāt* secara tidak langsung telah membantu kajian seterusnya untuk meneliti perkara yang telah dilakukan di samping mencari isu baharu dalam bidang ini yang menjadi objektif ketiga kajian.

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, kajian yang berkaitan dengan penterjemahan elemen *iltifāt* sepenuhnya didominasi oleh kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif iaitu sebanyak 16 kajian. Oleh yang demikian, kajian berbentuk kualitatif ini boleh diterapkan sekiranya objektif kajian adalah untuk meneroka, membuat perbandingan atau memahami fenomena terhadap sesuatu isu (Stake, 2010).

Berdasarkan jadual 1 dan jadual 2 juga, kajian yang berkaitan dengan penterjemahan elemen *iltifāt* lebih tertumpu kepada *iltifāt damīr* [pertukaran kata ganti nama] berbanding dengan elemen *iltifāt* jenis lain

iaitu sebanyak 11 kajian. Ini kerana *iltifāt damīr* didapati merupakan jenis *iltifāt* yang paling kerap digunakan berbanding dengan *iltifāt* lain dalam kebanyakan teks terutamanya teks kudus al-Quran. Mengambil contoh dapatan Būtra‘aṭ (2013) yang menunjukkan bahawa *iltifāt damīr* adalah jenis *iltifāt* terbanyak digunakan dalam surah *al-An‘ām* dengan 22 kali pengulangan penggunaannya. Begitu juga *iltifāt damīr* yang terkandung dalam surah *Maryam* yang juga dirumuskan sebagai jenis *iltifāt* terbanyak dengan 8 kali kekerapan penggunaannya (Elzahra, 2017). Hakikatnya, majoriti sarjana Arab seperti Ibn al-Mu‘tazz, Ibn Ja‘far, al-‘Askariy, al-Halabiy dan al-Alūsīy berpendapat bahawa elemen *iltifāt* hanya terbatas kepada konsep pertukaran yang melibatkan kata ganti nama sahaja (al-Dīn, 2018; Fatimah, 2015; Khadijah, 2015).

Selain itu, terdapat ramai pengkaji yang memfokus kepada penterjemahan elemen *iltifāt* yang terkandung dalam al-Quran berbanding dengan korpus lain jika merujuk kepada jadual 1 dan jadual 2 sebelum ini. Hal ini demikian kerana penggunaan elemen *iltifāt* adalah gaya bahasa yang paling tinggi pengulangan penggunaannya dalam al-Quran (Asnawi, 2017; Būqumraṭ, 2019; al-Dalīmiy & Nūrī, 2009; Fatimah, 2015; Zaenuddin, 2018). Maka, tidak hairanlah sekiranya didapati 15 daripada 16 kajian penterjemahan elemen *iltifāt* telah dijalankan kepada sama ada semua surah dalam al-Quran atau surah tertentu. Hanya kajian Elgebaly (2012) yang meneliti elemen *iltifāt* dalam teks sari kata tanpa perkaitannya dengan teks kudus al-Quran.

Sekiranya diperhalusi, kajian lampau yang berkaitan dengan penterjemahan elemen *iltifāt* lebih tertumpu kepada penterjemahan *iltifāt damīr* yang terkandung dalam al-Quran terutamanya dalam surah *al-Baqarat*. Menurut al-Khālīdiy (1998) surah *al-Baqarat* diturunkan di Madinah yang dikategorikan sebagai surah *madaniyyat*. Kisah bani Israel merupakan kisah yang paling menonjol dalam surah *madaniyyat* (al-Khālīdiy, 1998). Menurut Khayriy (2013) isi kandungan utama surah *al-Baqarat* adalah kisah bani Israel, pertembungan mereka dengan utusan-utusan Allah iaitu lebih daripada 115 ayat dalam surah *al-Baqarat* yang menceritakan tentang kisah berkenaan (Khayriy, 2013). ‘Arafāt (2017) menegaskan bahawa elemen *iltifāt damīr* lebih tinggi kekerapan penggunaannya dalam wacana al-Quran yang berkait dengan penceritaan kisah bani Israel. Hal ini kerana kepelbagaian situasi yang dihadapi oleh bani Israel diceritakan dalam al-Quran dan mengisytarkan kepada kedegilan dan kemaksiatan mereka terhadap Allah SWT (‘Arafāt, 2017).

Berdasarkan jadual 1 dan jadual 2 juga, didapati kajian yang berkaitan dengan elemen *iltifāt* lebih tertumpu kepada fenomenanya dalam al-Quran dan penterjemahannya ke bahasa Inggeris iaitu sebanyak 14 kajian. Hakikatnya, al-Quran banyak diterjemahkan ke bahasa Inggeris kerana bahasa ini adalah bahasa utama di kebanyakan negara pada masa kini (Ben Aili & Ben Atallah, 2016). Daripada 14 kajian berkenaan, didapati 10 kajian memfokuskan strategi penterjemahan Ali terhadap elemen *iltifāt* dalam al-Quran ke bahasa Inggeris. Hal ini demikian kerana terjemahan al-Quran nukilan Ali yang berjudul *The Meaning of the Holy Qur‘ān* merupakan terjemahan al-Quran versi bahasa Inggeris yang berautoriti, paling popular dan kerap digunakan (al-Badani, et. al., 2014). Menurut Kidwai (1987), terjemahan al-Quran nukilan Ali mengandungi nilai keaslian dan merupakan terjemahan al-Quran versi bahasa Inggeris yang paling berkualiti dalam kalangan penterjemah berbangsa India.

Di samping itu, dari sudut dapatan, Būsyāqūr (2007), Ali (2015), al-Badani et al. (2016) serta Fayṣal & Muṣṭafā (2017) mengatakan bahawa strategi penterjemahan terbaik untuk menterjemahkan elemen *iltifāt* adalah strategi pengembangan makna [*expansion strategy*]. Menurut al-Badani et. al (2016), strategi ini lebih cenderung memberi maklumat atau huraian tambahan dalam kurungan. Namun, al-Farisi (2015) berpendapat bahawa strategi pengembangan makna beserta *bold* akan menjadikan teks sasaran yang mengandungi maklumat dalam kurungan kelihatan lebih jelas. al-Badani, et. al. (2014) juga menegaskan bahawa strategi penterjemahan literal tidak sesuai diterapkan dalam penterjemahan elemen *iltifāt*. Namun, didapati Kementerian Hal Ehwal Agama Indonesia cenderung kepada strategi penterjemahan literal dalam menterjemahkan elemen *iltifāt* (al-Farisi, 2015). Menurut al-Faori (2017) sekiranya elemen *iltifāt* diterjemahkan dengan strategi penterjemahan literal, maka fungsi balaghah yang melatari elemen *iltifāt* berkenaan tidak dapat dikesan dalam teks sasaran. al-Badani, et. al. (2014) dan al-Badani, et. al. (2016) juga menegaskan bahawa strategi pengembangan makna hanya berfungsi menarik perhatian pembaca teks sasaran kepada elemen *iltifāt*, namun tidak menyerlahkan fungsi balaghah yang melatari setiap elemen *iltifāt*. Hal ini menyebabkan pembaca teks sasaran tidak memperoleh makna sebenar kesan dari penggunaan elemen *iltifāt*.

Oleh yang demikian, kesimpulan daripada perbincangan ini, didapati bahawa ruang dan peluang kajian penterjemahan *iltifāt* sangat luas. Sekiranya diperhalusi, didapati kajian lampau yang berkaitan dengan penterjemahan elemen *iltifāt* lebih tertumpu kepada penterjemahan *iltifāt damīr* dalam al-Quran ke bahasa Inggeris. Sewajarnya, kajian penterjemahan *iltifāt damīr* dalam al-Quran ke bahasa Melayu juga turut disemarakkan seperti terjemahan al-Quran nukilan Abdullah Basmeih yang mana diiktiraf keberkesannya dan menjadi rujukan kepada orang Melayu semenjak tahun 1968 (Hasan, 2000).

## 6. Kesimpulan

Penggunaan kaedah tinjauan literatur sistematik (SLR) menjelaskan beberapa isu berkaitan dengan kajian penterjemahan elemen *iltifāt*. Hasil tinjauan ini mendapati kajian penterjemahan *iltifāt* secara ringkasnya tertumpu kepada strategi penterjemahan *iltifāt damīr* yang terkandung dalam al-Quran ke bahasa Inggeris dan penilaian keberkesanan strategi yang diterapkan bagi menangani fenomena ini. Namun begitu, kebanyakan strategi yang diterapkan gagal menyerlahkan fungsi balaghah yang melatari setiap elemen *iltifāt*. Ini kerana *iltifāt* merupakan gaya bahasa yang dianggap janggal atau tiada persamaan dalam bahasa sasaran dan teks terjemahan yang mengandungi elemen *iltifāt* adalah taksa sekaligus mengundang kekeliruan dalam memahami makna sebenar ayat. Situasi ini mendorong penterjemah untuk mengabaikan elemen *iltifāt* dalam teks sasaran. Walau bagaimanapun, pengabaian terhadap penterjemahan *iltifāt damīr* yang mengandungi fungsi balaghah tertentu menyebabkan pembaca teks sasaran tidak memperoleh makna sebenar kesan dari penggunaan *iltifāt damīr*.

Selain itu, justifikasi memilih pendekatan kualitatif berbanding dengan kuantitatif sebagai reka bentuk kajian penterjemahan elemen *iltifāt* seterusnya adalah wajar berdasarkan kepada dominasi kajian penterjemahan *iltifāt* sebelum ini. Juga berdasarkan sorotan literatur tersebut, terhasilnya isu baharu yang mendorong kepada keperluan penghasilan strategi penterjemahan elemen *iltifāt* yang mampan dalam menyerlahkan terjemahannya yang sepadan ke bahasa Melayu. Perlu diketahui bahawa masih tiada kajian yang membincangkan secara khusus mengenai penterjemahan elemen *iltifāt damīr* ke bahasa Melayu di Malaysia. Kebanyakan kajian lepas lebih tertumpu kepada penterjemahan elemen *iltifāt damīr* ke bahasa asing yang lain terutamanya bahasa Inggeris dan termasuk juga bahasa Perancis. Strategi penterjemahan yang dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu hanya menekankan penjelmaan elemen *iltifāt* dalam teks sasaran tanpa mengambil kira fungsi balaghah yang melatari setiap elemen berkenaan yang turut memberi kesan kepada makna. Oleh yang demikian, kesedaran dan tindakan untuk menghasilkan strategi penterjemahan yang mampan perlu dijalankan bagi membendung isu ini daripada terus berlaku. Kajian seperti strategi penterjemahan *iltifāt damīr* yang terkandung dalam al-Quran ke bahasa Melayu wajar ditangani secara tuntas dalam prakarsa penterjemahan, apatah lagi dalam usaha mempertingkatkan dan memelihara ketepatan dan mutu terjemahan teks kusus al-Quran demi kepentingan umat Islam.

## Rujukan


- ‘Arafāt, U. A. (2017). *Athar al-siyāq ‘alā uslūb al-iltifāt al-muta‘allaq bi banī isrāīl fī sūrat al-Baqarat. Dirāsāt, ‘Ulūm al-Shar‘īyyat wa al-Qanūn*. 44(4), 243-255.
- Abdul Raof, H. (2005). Pragmalinguistic forms in cross-cultural communication: contribution from Qur’an translation’. In *Translation, Representation and Identity in Intercultural Communication*. Edited by Said Faiq. Sharjah: American University of Sharjah. pp. 115-130.
- Abdullah, N. (2017). Asbāb al-da‘f fī madā maqrū‘īyyat al-nuṣūṣ al-Qur‘āniyyat al-mutarjamah ilā al-malayūwiyyah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(1), 73-82.
- Abū al-Su‘ūd, M. M. (t.th.). *Tafsīr Abī al-Su‘ūd; irsyād al-‘aql al-salīm ilā mazāyā al-qur‘ān al-karīm*. Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabiy.
- Abu Bakar, M. H. (2012). *Terjemahan kata kerja berposisi arab-melayu dalam kitab Mustika Hadis*. Tesis PhD. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ahmed, H. (2004). *A new approach to the study of the qur’an*. India: Goodword Books.
- Akbari, N. (2018). *The saracen’s codex*. United Kingdom: Author House.
- Al Farisi, Z. (2015). Speech act of iltifat and its indonesian translation problems. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 4(2), 78-90. <https://doi.org/10.17509/ijal.v4i2.685>
- Al-‘Abūdi, I. K. (2016). Apostrophe in English and Arabic. *Majallat Kulliyyat al-Asāsiyyat li al-‘Ulūm al-Tarbawīyyat wa al-Insāniyyat, Jāmi‘at Bābil*, 26, 185–202.
- Al-Asfahāni, R. (2009). *Mufradāt alfāz al-Qur‘ān*. sunt. Ṣafwān ‘Adnān Dāwūdiy. Beirut: Dār al-Qalam-Dār al-Syāmiyyat.
- Al-Badani, N. A. M. A., Awal, N. M. & Zainudin, I. S. (2015). The translation of reference switching (*iltifat*) in surat al-Baqarah. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Special Issue (2), 140-148.
- Al-Badani, N. A. M. A., Awal, N. M., Zainudin, I. S. & Aladdin, A. (2016). Expansion strategy in the translation of *iltifāt* in sūrat al-Baqarah. *Arab World English Journal*. Special Issue (5), 54-65.

- Al-Badani, N., Awal, N., Zainudin, I., & Aladdin, A. (2014). Reference switching (*iltifāt*) in Arabic and its translation into English: an intertextual analysis. *International Journal of Asian Social Sciences*. 4(6), 791-805.
- Al-Banāni, K. M. A. (1993). *al-Iltifāt fī al-Qur'ān al-Karīm ilā akhir sūrat al-Kahf*. Tesis Sarjana. Mekah: Umm al-Qurā University.
- Al-Dalīmi, A. A. S & Nūrī, M. M. (2009). Fann al-iltifāt fī al-qirā'āt al-sab'. *Ādāb al-Rāfidīn*, 55, 204-224.
- Al-Dīn, S. (2018). Balāghat al-Iltifāt al-Qur'āniy 'inda al-Alūsiy. *al-Ta'limiyyah*. 5(16), 260-269.
- Al-Faori, N. A. D. M. (2017). Equivalence problems in translation. *Sino-US English Teaching*, 14(2), 86-97. <https://doi.org/10.17265/1539-8072/2017.02.003>.
- Al-Farisi, M. Z. (2017). *Readability analysis of the imperative verses translation of the holy Quran*. CONAPLIN and ICOLLITE 2017 - Tenth International Conference on Applied Linguistics and First International Conference on Language, Literature and Culture. Bandung: CONAPLIN and ICOLLITE. <https://doi.org/10.5220/0007171105710575>.
- Al-Fayrūzābādi, M. A. M. Y. (2005). *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. sunt. Muḥammad Na'im al-'Arqūsiy. Beirut: Muassasat al-Risālat.
- Ali, A. M. A. (2015). *A Stylistic study of morpho-semantic shifts in some selected english translations of the glorious qur'an*. Tesis PhD. Mesir: Cairo University.
- Al-Jarmān, A. R. A. S. (2016). Uslūb al-iltifāt fī al-Qur'ān al-Karīm wa atharuhu fī al-ma'nā 'inda al-mufasssīrīn. *Hawliyyat Kulliyat al-Dirāsāt al-Islamiyyat wa al-'Arabiyyat*. 33(2), 1001-1049.
- Al-Khālidi, S. (1998). *al-Syakhshiyat al-Yahūdiyyat min khilāl al-Qur'ān*. Damascus: Dār al-Qalam.
- Al-Quran, M., & Al-Azzam, B. (2009). *Apostrophe: a rhetorical device of the Qur'an*. Retrieved from <https://pdfs.semanticscholar.org/e6eb/9babfcec9f497017bca433639b362fe31d0d.pdf>
- Al-Thawābiyyat, H. H. (2019). Tarjamat al-iltifāt al-'adadiy fī al-Qur'ān al-Karīm. *Dirāsāt al-'Ulūm al-Insāniyyat wa al-Ijtima'iyyat*. 46(2), 334-352.
- Al-Zamakhshari, A. Q. (1998). *Asās al-Balāghat*. sunt. Muḥammad Bāsīl 'Uyūn al-Sūd. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Amirdabbaghian, A. (2017). Translation of power and solidarity pronouns in Qur'anic rhetoric. *Journal of Language and Translation*. 7(3), 65-73.
- Amirudin, M. (2013). *Stilistika gaya bahasa al-qur'an (kajian ayat-ayat iltifat; analisis struktur dan makna)*. Indonesia: IAIN Raden Intan Lampung.
- Asnawi, A. R. (2017). Uslūb iltifāt fī al-juz' al-akhir min al-Qur'ān al-Karīm. *Lisanudhad Journal*. 4(1), 121-137.
- Basmeih, A. (1983). *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dār al-Fikr.
- Baumeister, R. F., & Leary, M. R. (1997). Writing Narrative Literature Reviews. *Review of general psychology*. 1(3), 311-320.
- Bell, R. T. (2012). *Terjemahan produk dan proses*. Terj. Zuraidah Ibrahim Bell dan Syed Nurulakla. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bem, D. J. (1995). Writing a review article for psychological bulletin. *Psychological Bulletin*. 118, 172-177.
- Ben Aili, H., & Ben Atallah, S. (2016). *Problems of translating Quranic Lexis a comparative study of two translations of verses from chapter*. Tesis Sarjana. Algeria: Kasdi Merbah University-Ouargla.
- Būqumrat, U. (2019). Muṣṭalah al-Iltifāt min al-rasīs ilā al-ta'sīs. *Majallat Dirāsāt Mu'āshirat*. 3(2), 145-150.
- Burton, J. (1988). Linguistic errors in the Qur'ān. *Journal of Semitic Studies*. 33(2), 181-196. <https://doi.org/10.1093/jss/XXXIII.2.181>.
- Būsyāqūr, Z. (2007). *Uslūb al-Iltifāt wa tarjamatuḥu ilā al-lughat al-Faransiyyat; dirāsāt naqdiyyat muqāranat min khilāl thalāth namādhij li tarjamāt al-Qur'ān*. Tesis Sarjana. Algeria: Jāmi'at Mantūrī.
- Būtra'at, A. H. (2013). Šuwar wa dilālāt al-iltifāt fī sūrat al-An'am. *Majallat 'Ulūm al-Lughat al-'Arabiyyat wa Ādābuha*. 5, 150-164.
- Catford, J.C. (1965). *A Linguistic theory of translation*. United Kingdom: Oxford University Press.
- Dawood, N. (1990). *The Koran translated*. Amerika Syarikat: Doubleday.
- Durakovic, E. (2008). Rhetorical twist in the Qur'an. *Jordan Journal of Islamic Studies*. 4(1), 9-15.
- Elgebaly, N. (2019). Accommodating audience needs in islamic subtitling: a case of manipulation? *Meta Translators' Journal*. 57(2), 423-438. <https://doi.org/10.7202/1013954ar>.
- Elzahra, M. U. (2017). *Uslūb al-Iltifāt fī sūrat Maryam; dirāsāt tahlīliyyat balaghīyyat*. Jogjakarta: Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Fatimah, E. (2015). *Uslūb al-Iltifāt wa asrāruḥu al-balāghīyyat; dirāsāt taḥbīqīyyat 'alā sūrat Yūnus*. Jakarta: Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah.



- Faysal, T. A. & Muṣṭafā, I. M. A. (2017). Tarjamat ‘udūl al-ṣarfīy wa al-mufradātī fī al-Qu’rān al-Karīm ilā al-lughat al-injilīziyyat. *Majallat al-Dirāsāt al-Tārīkhiyyat wa al-Ḥaḍāriyyat*, 9(29), 357-378.
- Harti, R. A. (2018). *Uslūb al-Iltifāt fī sūrat al-Nisā’: dirāsāt taḥlīliyyat balāghīyyat*. Tesis Sarjana. Indonesia: Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Hasan, W. R. (2000). *Sumbangan Sheikh Abdullah Basmeih dalam bidang tafsir: kajian khusus terhadap kitab tafsir pimpinan Al-Rahman*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hassan, B. A. (2011). *Literary translation: aspects of pragmatic meaning*. United Kingdom: Cambridge Scholars Publishing.
- Hatim, B., & Mason, I. (1997). *The translator as communicator*. London: Routledge.
- Horri, A. (2019). Semantic strategy: a dominant method in translating iltifat in three english translations of the Quran. *Translation Studies Quarterly*. 17(66), 7-22.
- I’lāwī, N. M. & al-Aḥmad, A. M. (2007). Iltifāt al-‘adad fī namādhij min al-Qur’ān al-Karīm. *Dirasat: Human And Social Sciences*. 34, 717-727.
- Ibn ‘Āsyūr, M. T. (1984). *Tafsīr al-tahrīr wa al-tanwīr*. Tunisia: al-Dār al-Tūnisīyyat li al-Nasyr.
- Ibn Fāris, A. H. A. (1979). *Mu’jam maqāyīs al-lughat*. Beirut: Dār al-Fikr li al-Ṭībā’at wa al-Nasyr wa al-Tawzī’.
- Ibn Manzūr, J. M. (1993). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Ṣādir.
- Ibraheem, Q., & al-Bagoa’, M. A. (2010). Grammatical shifts in the glorious qur’an and their renderings into english. *Adab al-Rafidīn*, 57, 113-138.
- Ismā’īl, S. (2011). *al-Iltifāt bayn ‘ulūm al-balāghat al-thalāthat*. Algeria: Jāmi’at Warqalat.
- Khadījat, L. (2015). Athar al-Iltifāt fī al-manhaj al-balāghīy al-tafsīriy; al-dūrr al-maṣūn. *Majallat al-‘Ulūm al-Insāniyyat*, 38(39), 201-221.
- Khayri, M. W. (2013). *al-Qaḍiyyat al-Yahūdīyyat fī sūrat al-Baqarat*. Retrieved from <https://www.islamweb.net/ar/article/190939/> (on 2019 Sept 13).
- Kidwai, A. (1987). Translating the untranslatable: a survey of english translations of the quran. Retrieved from <http://www.soundvision.com/Info/quran/english.asp>.
- Lakhḍar, I. (2016). *Uslūb al-Iltifāt fī al-Qur’ān al-Karīm: sūrat al-Kahfī unmuḍhajan*. Tesis Sarjana. Algeria: Jāmi’at ‘Abd al-Ḥamīd bin Bādīs Mustaghānim.
- Mahinnaz, M., Zahedi, K., & Nasiri, F. (2012). Iltifat, grammatical person shift and cohesion in the holy Quran. *Global Journal of Human Social Science*. 12(2), 45-52.
- Maksudi, F. (2018). *Uslūb al-Iltifāt fī sūratay al-Nisā’ wa al-Tawbat; dirāsāt taḥlīliyyat balāghīyyat*. Tesis Sarjana. Indonesia: Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Michie, S., & Williams, S. (2003). Reducing work related psychological ill health and sickness absence: a systematic literature review. *Occupational and environmental medicine*. 60(1), 3-9.
- Mukhtar, M. (2018). *Uslūb al-Iltifāt wa dilālātuḥu fī al-Qur’ān al-Karīm: dirāsāt taḥlīliyyat*. Gombak: IIUM Press.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of translations*. Hemel Hempstead: Prentice Hall.
- Nida, E. A. (1964). *Toward a science of translating: with special reference to principles and procedures involved in Bible translating*. Leiden: E.J. Brill.
- Omer, B. A. (2017). *translation loss in translation of the glorious Quran with special reference to verbal similarity*. Retrieved from <https://www.ijmrd.com/assets/pdf/english-linguistics/Translation-Loss-in-Translation-of-the-Glorious-Quran,-with-Special-Reference-to-Verbal-Similarity-by-Batoul-Ahmed-Omer.pdf>
- Qaḥṭān, T. A. R. (2005). *al-Iltifāt fī al-balāghat al-‘arabiyyat wa namādhij min asrār balāghatihi fī al-Qur’ān al-Karīm*. *Journal of Social Studies*. 10(1), 1-30.
- Rābḥī, M. (2014). *Uslūb al-Iltifāt bi maqāmāt al-ḍamāir: sūrat Yūnus unmuḍhajan*. Tesis Sarjana. Algeria: Jāmi’at Muḥammad Khayḍar Biskarat.
- Rafiqul-Haqq, M., & Newton, P. (1996). *The Quran: grammatical errors*. <https://www.answering-islam.org/Authors/Newton/grammar.html> (retrieved on 2019 Sept 13).
- Robinson, N. (1996). *Discovering the Qur’an: a contemporary approach to a veiled text*. United Kingdom: SCM Press.
- Siddiqi, N., House, A. O., & Holmes, J. D. (2006). Occurrence and outcome of delirium in medical in-patients: a systematic literature review. *Age and Ageing*. 35(4), 350-364.
- Stake, R. E. (2010). *Qualitative research: studying how things work*. New York: The Guilford Press.
- Ṭabl, H. (1998). *Uslūb al-Iltifāt fī al-balāghat al-Qur’āniyyat*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy.
- Venuti, L. (2000). *The Translation studies reader*. London, New York: Routledge Taylor & Francis Group.





Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilization Studies,  
Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402  
Email: [alirsyad@kuis.edu.my](mailto:alirsyad@kuis.edu.my)  
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

**Vol. 5, No. 1, June 2020**

Wuryantoro, A. (2018). *Pengantar penerjemahan*. Yogyakarta: Penerbit Deepublish.

Zaenuddin, M. (2018). Uslub Itifât dalam Al-Quran. *TAJDID*, 25(2), 171-186. doi:10.36667/tajdid.v25i2.325